


PEKELILING BILANGAN 1/2016

PENGUNAAN COP RASMI DAN DEKLARASI OLEH AHLI GEOLOGI PROFESIONAL BERDAFTAR

1. Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG) telah memutuskan bahawa semua **Ahli Geologi Profesional Berdaftar** hendaklah menggunakan cop rasmi dan cop deklarasi yang telah ditetapkan oleh BoG untuk Ahli Geologi Profesional Berdaftar bagi tujuan penyeragaman.
2. Gambar rajah di bawah menunjukkan contoh cop rasmi serta spesifikasi yang ditetapkan. Cop rasmi ini mengandungi maklumat seperti nama (mengikut rekod daftar BoG), perkataan 'Ahli Geologi Profesional Berdaftar' serta nombor daftar penama dengan BoG.

2.1 Cop Rasmi:



Cop Rasmi Ahli Geologi Profesional Berdaftar

3. Cop rasmi ini hendaklah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan tanpa pindaan. Hanya gelaran yang dianugerahkan seperti Dato', Prof., Dr., dibenarkan. Kelayakan akademik seperti BSc. (Hons) Geology, Phd, dsb. tidak boleh dimasukkan.

4. Selain cop rasmi, Ahli Geologi Profesional Berdaftar juga hendaklah membuat cop deklarasikan dengan kenyataan seperti ditunjukkan dalam gambar rajah berikut.

4.1 Cop Deklarasi:

Saya mengesahkan bahawa dokumen, laporan, pelan, spesifikasi atau peta ini telah disediakan oleh saya sendiri atau di bawah seliaan saya, dan saya adalah seorang Ahli Geologi Profesional Berdaftar di bawah Akta Ahli Geologi 2008.	
Nama (huruf besar) :	
Tanda tangan :	
No. Pendaftaran:	(Cop)
Tarikh:	Tarikh Tamat :

Perkataan – Font Arial (9 pt)
Saiz kotak – 60mm x 95mm

5. Setiap Ahli Geologi Profesional Berdaftar hendaklah membuat cop sendiri berlandaskan contoh dan spesifikasi yang diberi. Cop tersebut hendaklah digunakan dalam segala urusan yang memerlukan pengesahan dan tandatangan sebagai Ahli Geologi Profesional Berdaftar seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 27 Akta Ahli Geologi 2008. Penggunaan cop ini hendaklah di bawah kawalan dan tanggungjawab anda sepenuhnya dan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016.

6. Selaras dengan kehendak Seksyen 23(c) Akta, sesorang Ahli Geologi Profesional Berdaftar berhak menggunakan singkatan **P.Geol.** selepas namanya.

Sekian, terima kasih.

Dengan Perintah Lembaga,



HAMADI BIN CHE HARUN, PSK, P.Geol.

Pendaftar,
Lembaga Ahli Geologi
Malaysia.

15 Jun 2016